

NO. SOALAN: 99

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG

TARIKH : 26 JULAI 2017

RUJUKAN : 9970

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan secara terperinci syarikat-syarikat yang terlibat dalam pencetakan pasport, serta nilai dan tempoh kontrak tersebut dan sama ada kontrak dianugerahkan secara tender terbuka atau rundingan terus.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kontrak Perkhidmatan Percetakan *Personalization Passport* berasaskan Muka Surat *Biodata Polycarbonate* untuk Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah diberikan kepada Syarikat Datasonic Sdn. Bhd. untuk tempoh 5 tahun bermula pada 1 Februari 2013 hingga 31 Januari 2018 dengan nilai RM284,700,000.00.

Manakala bagi kontrak pembekalan 12.5 juta cip Pasport dan Dokumen Pasport Malaysia Antarabangsa juga telah diberikan kepada Syarikat Datasonic Sdn. Bhd untuk tempoh 5 tahun bermula pada 1 Disember 2016 hingga 30 November 2021 masing-masing berjumlah RM318,750,000.00 dan RM223,376,400.00.

SOALAN (100)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 26 JULAI 2017
[RABU]**

**DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

SOALAN :

**YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta
PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pelaburan yang telah
dilaburkan dalam Projek PIPC Pengerang.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) telah berjaya menarik pelaburan swasta sebanyak RM119 billion dengan pecahan seperti berikut:

- (i) pelaburan berjumlah USD27 billion (dianggarkan bersamaan dengan RM108 billion pada kadar tukaran asing semasa) untuk pembangunan *Pengerang Integrated Complex (PIC)* oleh syarikat PETRONAS; dan
- (ii) Pelaburan sebanyak RM11 billion untuk pembangunan Projek Terminal Laut Dalam Pengerang (PDT) menerusi kerjasama Kumpulan Dialog Berhad - Royal Vopak - Setiausaha Kerajaan Negeri Diperbadankan (SSI).

Secara keseluruhannya Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.49 billion di bawah Rancangan Malaysia ke-10 dan Rancangan Malaysia ke-11 bagi menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam berkaitan di dalam pembangunan PIPC. Sehingga kini, sebanyak 7 daripada 25 pakej projek telah berjaya disiapkan yang seterusnya meningkatkan kualiti hidup masyarakat tempatan di Pengerang dan

kawasan persekitaran. Di antara projek infrastruktur dan kemudahan yang telah disediakan termasuk Sekolah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan, Klinik Kesihatan, Pusat-Pusat Komuniti, Tabika KEMAS, Sistem Bekalan Air dan Kompleks Perikanan Nelayan Fasa Pertama. Disamping itu, sebanyak lima (5) lagi projek infrastruktur dan kemudahan awam dijangka siap pada akhir tahun ini termasuk pembinaan Balai Polis baru, naik taraf Klinik Kesihatan sedia ada dan menyediakan perkhidmatan khas "*Burn Treatment Unit*", naik taraf dua (2) jalan sedia ada dan pembinaan jalan baru.

Secara umumnya, nisbah pelaburan awam dan swasta adalah pada nisbah 1:48 iaitu RM2.49 billion oleh pihak Kerajaan dan sebanyak RM119 billion merupakan pelaburan swasta.

Pada masa yang sama, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri Johor juga turut serta dalam pembangunan PIPC khususnya melalui penyediaan kawasan-kawasan industri baru bagi menempatkan syarikat-syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) dan industri sokongan berkaitan minyak dan gas.

Sekian, terima kasih.

26 Julai 2017